

KEPENTINGAN KAUNSELING DALAM MENANGANI MASALAH RUMAHTANGGA

Oleh:

Yusmini Binti Md. Yusoff *

Abstract

This article tries to elaborate the importance of counselling as a method in handling marital and family problems. It includes three significant counselling stages in marriage setting such as pre marital, marital and family counselling. Family crisis and the function of counselling are also described.

PENDAHULUAN

Rumahtangga merupakan asas pembentukan keluarga yang menjadi tunggak dalam pembinaan sistem sosial masyarakat. Alam rumahtangga yang terjalin daripada ikatan perkahwinan berasaskan kepada sistem dan peraturan agama yang diterimapakai secara global akan melahirkan aset penting dalam rumahtangga iaitu pasangan suami dan isteri. Kebahagiaan, keharmonian dan kesejahteraan keluarga banyak bergantung kepada kedua-dua individu tersebut.

Bagi agama Islam, perkahwinan merupakan satu cara yang sah di sisi syarak bagi menghalalkan perhubungan di antara lelaki dan wanita. Malah Islam amat menggalakkan perkahwinan untuk memenuhi tuntutan emosi manusia bagi memperolehi ketenangan jiwa, kasih sayang, rasa pemilikan, pemeliharaan terhadap generasi manusia dan pergaulan yang diizinkan.¹ Bahkan dalam sesebuah keluarga, ibu bapa atau suami isteri memainkan peranan penting bagi memastikan diri sendiri serta individu lain dalam keluarga tersebut melalui pertumbuhan dan pengkayaan diri secara yang sihat. Sehubungan dengan itu, keluarga merupakan institusi terpenting dan bertanggungjawab melahirkan generasi bagi meneruskan tugas sebagai khalifah Allah SWT dengan mendidik, mengasuh dan membesarkan anggota masyarakat agar mereka menjadi warganegara yang baik dan bermanfaat untuk agama, bangsa dan negara.

* Pensyarah Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

¹ Lihat Surah al-Rûm: 21, surah Yâsin: 36 & 56; surah al-Nahl: 72, surah al-Zukhruf: 70 dan surah al-Ghâfir: 8.

KRISIS DALAM KELUARGA DAN MASALAH SOSIAL

Keluarga disifatkan sebagai satu organisasi yang tersusun, memiliki ahli yang saling bergantung antara satu sama lain dan dipandu oleh suatu set peraturan dan norma-norma setempat. Sehubungan dengan itu, kehidupan kekeluargaan sesebuah keluarga sering berubah-ubah mengikut peringkat, fasa dan kitaran tertentu. Secara tipikal, keluarga akan melalui proses transaksi yang berbeza daripada kehidupan privasi kedua pasangan suami isteri (*spouse*), kelahiran anak, tanggungjawab kepada ahli, kontraksi di antara ahli, pemisahan ahli sehinggalah ibu bapa tersebut menjadi pasangan (*spouse*) semula.² Lazimnya krisis kekeluargaan mula timbul dan keluarga tersebut mula menghadapi tekanan apabila berlaku transaksi dari satu peringkat ke peringkat yang lain.

Mengikut Gerson, tekanan yang berlaku disebut sebagai *symptom* iaitu petanda bahawa berlakunya lekatan dalam keluarga yang menyukarkan proses transaksi yang seterusnya.³ Apabila lekatan berlaku, maka perkembangan dan pembangunan diri ahli dalam keluarga menjadi tidak lancar, lalu wujudlah masalah dan krisis.

Di antara krisis yang berlaku dalam keluarga ialah ketidakpuasan terhadap perkahwinan dan kelahiran anak. Finkel dan Hansen menyatakan, lazimnya krisis terjadi apabila timbul desakan yang hebat dalam membahagikan masa untuk menjalankan tanggungjawab terhadap anak-anak yang masih kecil, seperti tuntutan kewangan, tanggungjawab sebagai ibu bapa, kepentingan mencurahkan kasih sayang kepada anak dan orang tua dengan kekangan ruang masa dan perhatian yang perlu diperuntukkan atau diberikan kepada diri sendiri serta pasangan.⁴ Apabila tiada keseimbangan terhadap kedua-dua tuntutan tersebut, keadaan ini akan menyebabkan berlakunya krisis di antara suami dan isteri.

Selain daripada itu, kenakalan anak-anak juga boleh menjadi punca pergaduhan suami isteri. Krisis berlaku apabila anak cuba mendapatkan perhatian dari ibubapa dengan cara yang negatif, ingin memperolehi sedikit kuasa daripada ibu bapa dan mula menimbulkan masalah tingkahlaku. Keadaan menjadi bertambah buruk apabila ibu bapa gagal meluangkan masa dan memberi kasih sayang yang secukupnya

² Carter, E.A., & McGoldrick, M. (1988), *The Changing Family Life Cycle: A Framework For Family Therapy*, 2nd. ed. New York: Gardner Press, h. 3-28.

³ Gerson, R. (1998), "The Family Life Cycle: Phases, Stages and Crises" dalam *Integrating Family Therapy: Handbook of Family Psychology and Systems Theory*, Washington, USA: American Psychological Association, h. 92.

⁴ Finkel, J.S. & Hansen, F.J. (1992), "Correlates of Retrospective Marital Satisfaction in Long Lived Marriages: A Social Constructivist Perspective", *Family Therapy*, Vol. 19, h. 1-15.

Kepentingan Kaunseling Dalam Menangani Masalah Rumahtangga

kepada anak-anak serta menggunakan kuasa yang berlebihan dalam mengawal tingkahlaku mereka. Kesannya anak-anak cenderung untuk mempamerkan tindakan agresif.⁵

Keganasan rumahtangga dan penderaan seksual juga merupakan kes yang kerap berlaku dalam institusi keluarga. Data daripada jadual 1 di bawah menunjukkan etnik Melayu yang beragama Islam merupakan etnik yang paling banyak terlibat dalam kes keganasan rumahtangga berbanding dengan etnik lain.

Jadual 1:
Kes Keganasan Rumahtangga Berdasarkan Etnik

| Kes | Etnik | Tahun | | |
|-----------------------|-----------|-------|------|------|
| | | 2000 | 2001 | 2002 |
| Keganasan Rumahtangga | Melayu | 1541 | 1519 | 1303 |
| | Cina | 738 | 657 | 515 |
| | India | 877 | 756 | 724 |
| | Lain-lain | 312 | 175 | 213 |
| | Jumlah | 3468 | 3107 | 2755 |

Sumber: Jabatan Siasatan Jenayah, Unit Seksual, Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur.

Manakala bagi jenis keganasan yang dilakukan terhadap mangsa, kategori perlakuan yang menyebabkan kecederaan fizikal mencatat bilangan kes yang tertinggi iaitu sebanyak 290 kes, diikuti dengan perlakuan meletakkan mangsa dalam ketakutan sebanyak 218 kes. Hal ini dapat diperincikan melalui jadual 2 berikut:

⁵ Minuchin, P. (1992), "Conflict and Child Maltreatment" dalam *Conflict In Child and Adolescent Development*, Shantz, C.U. & Hartup, W.W. (eds). Cambridge: Cambridge University Press, h. 380.

Jadual 2:
Kes Keganasan Rumahtangga Mengikut Jenis Kes Dan Kumpulan Etnik

| JENIS KES | Melayu | Cina | India | Lain-lain | Jumlah |
|---|------------|------------|------------|-----------|------------|
| Meletakkan mangsa dalam ketakutan | 97 | 45 | 66 | 10 | 218 |
| Menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa | 181 | 56 | 42 | 11 | 290 |
| Memaksa mangsa @ memberi/membuat ancaman untuk melakukan apa-apa kelakuan tanpa kerelaan mangsa | 15 | 9 | 6 | 0 | 30 |
| Mengurung @ menahan mangsa | 11 | 8 | 30 | 1 | 50 |
| Melakukan khianat dan kerosakan harta dengan niat menyebabkan kesedihan/kegusaran kepada mangsa | 2 | 4 | 4 | 0 | 10 |
| JUMLAH | 306 | 122 | 148 | 22 | 598 |

Sumber: Perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kuala Lumpur, 2002

Keganasan rumahtangga yang melibatkan penderaan, biasanya dilakukan oleh pihak suami atau ahli-ahli keluarga lain terhadap pihak yang lemah seperti isteri dan anak. Manakala kes penderaan kanak-kanak pula, ia dirujuk kepada perbuatan mencederakan kanak-kanak secara fizikal, emosi dan mental. Bagi kes penderaan kanak-kanak, jadual 3 menunjukkan kumpulan jantina perempuan mencatat bilangan kes tertinggi iaitu sebanyak 750 kes yang melibatkan 499 kes daripada etnik Melayu. Manakala bagi kategori umur, didapati kanak-kanak yang berumur 7 hingga 14 tahun adalah kumpulan yang paling ramai menjadi mangsa penderaan.

Kepentingan Kaunseling Dalam Menangani Masalah Rumahtangga

Jadual 3:

Kes Penderaan Mengikut Umur dan Kumpulan Etnik

Sumber: Perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Kuala Lumpur, 2002

| KUMPULAN UMUR | Melayu | | Cina | | India | | Lain-lain | | Jumlah | |
|---------------|------------|------------|-----------|-----------|-----------|------------|-----------|-----------|------------|------------|
| | L | P | L | P | L | P | L | P | L | P |
| 0 - 3 tahun | 115 | 107 | 17 | 21 | 26 | 18 | 11 | 11 | 169 | 157 |
| 4 - 6 tahun | 55 | 69 | 9 | 20 | 11 | 17 | 2 | 7 | 77 | 113 |
| 7 - 14 tahun | 125 | 233 | 45 | 30 | 46 | 72 | 4 | 11 | 220 | 346 |
| 15 - 18 tahun | 9 | 90 | 5 | 14 | 12 | 24 | 0 | 6 | 26 | 134 |
| JUMLAH | 304 | 499 | 76 | 85 | 95 | 131 | 17 | 35 | 492 | 750 |

Sumber: Perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kuala Lumpur, 2002

Dalam kes sumbang mahram pula, berdasarkan statistik sumbang mahram mengikut hubungan mangsa dengan penjenayah sumbang mahram, didapati bapa dari kalangan etnik Melayu adalah paling ramai melakukan jenayah tersebut, diikuti oleh bapa tiri dan bapa saudara.

Jadual 4

Statistik Sumbang Mahram Mengikut Hubungan Mangsa Dengan Penjenayah Sumbang Mahram

| Perhubungan/Pertalian Kekeluargaan | 2000 | 2001 | 2002 |
|------------------------------------|------|------|------|
| Bapa | 67 | 77 | 77 |
| Bapa saudara | 34 | 42 | 65 |
| Abang | 13 | 15 | 29 |
| Abang tiri | 1 | 4 | 10 |
| Bapa tiri | 41 | 52 | 40 |
| Abang/adik ipar | 26 | 23 | 22 |
| Datuk | 4 | 5 | 13 |
| Sepupu | 8 | 11 | 27 |
| Lain-lain saudara | 19 | 17 | 33 |

Sumber: Jabatan Siasatan Jenayah, Unit Seksual, Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur.

Statistik yang diberikan di atas adalah berdasarkan laporan yang dibuat, khususnya oleh mangsa kepada pihak polis dan dipercayai banyak lagi kejadian-kejadian seumpama ini yang tidak dilaporkan. Ini bererti angka sebenar kejadian adalah lebih banyak dari angka yang dipamerkan di atas, terutama jika diambilkira kes-kes yang dirujuk kepada badan-badan bukan kerajaan (NGO). Data-data tersebut memperlihatkan bahawa masalah keluarga dan rumahtangga yang menyelubungi masyarakat Melayu beragama Islam semakin hari semakin serius dan ia perlu ditangani segera dengan kaedah yang bijaksana dan berkesan.

Dari perspektif kaunseling, masalah dan krisis ini dilihat dari sudut pengenal-pastian masalah individu yang menjadi ahli kepada sesebuah keluarga dan kesannya kepada sistem keluarga tersebut secara keseluruhan. Sekiranya masalah dan krisis yang berlaku dalam institusi keluarga yang kurang stabil tidak ditangani dengan baik, maka ia akan memberi kesan pula kepada sistem sosial dalam masyarakat setempat.

Oleh kerana pentingnya menjaga keutuhan institusi keluarga, maka banyak program telah diatur, baik oleh pihak kerajaan mahupun badan-badan bukan kerajaan (NGO) untuk memastikan setiap anggota masyarakat mendapat pendidikan, maklumat serta garis panduan yang bersesuaian berkaitan hal ini.

KAUNSELING DAN KAITANNYA DENGAN SISTEM KEKELUARGAAN

Pendekatan kaunseling semakin popular di Malaysia sebagai suatu perkhidmatan pencegahan, perkembangan, pemulihan dan rawatan dalam menangani isu-isu yang berkaitan jiwa, personaliti dan sebagainya yang berkait rapat dengan aktiviti-aktiviti manusia. Walaupun perkataan 'kaunseling' lebih dikenali dalam masyarakat sekolah sejak ia diperkenalkan seawal tahun 1960an, namun kaunseling kini telah digunapakai di mana-mana setting yang melibatkan perhubungan manusia.⁶

Secara ringkas, kaunseling merujuk kepada perkhidmatan profesional yang ditawarkan oleh seorang kaunselor terlatih dan cekap dalam bidang kaunseling. Perkhidmatan kaunseling berlangsung dalam suasana yang terapeutik dan dipandu oleh etika kaunseling yang khusus. Proses kaunseling adalah berdasarkan kepada perhubungan yang terjalin di antara kaunselor dan klien. Proses kaunseling juga melibatkan penggunaan kemahiran asas yang memudahkan perolehan kemahiran baru, penyelesaian masalah dan mempelajari tingkahlaku baru di pihak klien.⁷ Secara

⁶ Aminah Hj. Hashim dan Arthur P. Lloyd (ed.) (1995), "Perkhidmatan Unit Bimbingan dan Kaunseling" dalam *Bimbingan dan Kaunseling Dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur: Federal Publications, h. 3-4.

⁷ Lily Mastura Harun (2003), "Kaunseling Perkahwinan: Satu Permulaan Ke Arah Keharmonian Keluarga", Kertas Kerja yang dibentangkan dalam *Bengkel Kaunseling Kebangsaan Ke-20*, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 15-16 April 2003.

Kepentingan Kaunseling Dalam Menangani Masalah Rumahtangga

asasnya, proses kaunseling bertanggungjawab membantu melakukan penerokaan diri dan mencari jalan alternatif untuk keluar dari sebarang konflik diri atau yang melibatkan orang lain.

Justeru, kaunseling dalam perkahwinan adalah penting kerana ia berfungsi untuk mengatasi masalah interaksi dan komunikasi yang tidak produktif dikalangan ahli keluarga, mempercepatkan proses perkembangan dan perubahan dalam diri ahli, meningkatkan rasa keintiman emosi keluarga, melonggarkan rasa pertahanan diri supaya ahli lebih terbuka untuk berubah dan memahami keperluan ahli keluarga lain dan mengajar corak tingkahlaku dan pemikiran yang sesuai serta membantu ahli melihat dan menganalisis masalah atau krisis yang timbul dalam hubungan kekeluargaan.

Dalam setting perkahwinan dan keluarga pendekatan kaunseling merupakan alat pembantu (*tool*) yang boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu kaunseling pra perkahwinan, kaunseling perkahwinan dan kaunseling keluarga.

KAUNSELING PRA PERKAHWINAN

Kaunseling Pra Perkahwinan biasanya dijalankan dalam bentuk pendidikan dengan tujuan untuk meningkatkan perkembangan diri yang positif, seterusnya mencegah aspek-aspek negatif yang bakal berlaku dalam sesebuah perkahwinan. Pelaksanaan proses kaunseling harus dilakukan oleh kaunselor yang terlatih dalam bidang kaunseling perkahwinan bagi memudahkan proses kaunseling yang melibatkan isu-isu perkahwinan. Isu-isu perkahwinan yang biasa dibincang dan dikemukakan dalam kaunseling jenis ini ialah seperti rancangan kewangan, kemahiran keibubapaan, kemahiran membuat keputusan, mengenalpasti perbezaan antara pasangan, kepentingan komitmen dalam hubungan perkahwinan, konsep dan peranan suami isteri serta penerokaan matlamat peribadi.⁸ Semua isu tersebut merangkumi aspek yang berkait rapat dengan elemen pendidikan klien serta jangkaan atau harapan klien terhadap perkahwinan yang bakal ditempuhinya.

Konsep ini telah diaplikasikan dalam kursus-kursus pra-perkahwinan yang dianjurkan oleh jabatan-jabatan agama Islam negeri di seluruh negara. Sepertimana matlamat dan tujuan kaunseling pra perkahwinan, kursus pra perkahwinan juga mempunyai elemen-elemen pendidikan yang agak serupa iaitu antaranya, untuk memberi kefahaman dan pengetahuan tentang kehidupan berumahtangga serta

⁸ Gerald Corey & Marianne Schneider Corey (1977), *Groups, Process and Practice*, California: Brooks/Cole Publishing Company, h. 199-200.

panduan kepada bakal suami dan isteri ke arah pembentukan keluarga bahagia.⁹ Kursus ini juga dianjurkan untuk melengkapkan diri pasangan dengan ilmu asas keagamaan, seperti konsep nikah, hikmah, matlamat, hukum perkahwinan serta aspek-aspek fardhu ain yang lain.¹⁰ Terdapat perbezaan antara kaunseling pra-perkahwinan dan kursus perkahwinan, di mana perantara yang menjalankan perkhidmatan bagi kaunseling pra perkahwinan merupakan seorang pakar dalam bidang kaunseling dan ia dilakukan secara terapeutik serta mengikut proses-proses kaunseling tertentu. Manakala kursus pra perkahwinan pula, ia lebih berbentuk program bimbingan yang memberi bimbingan dan maklumat secara bersepadu kepada peserta kursus dan biasanya program ini dikendalikan oleh seorang yang ahli dalam bidang agama.

KAUNSELING PERKAHWINAN

Di Malaysia, istilah kaunseling perkahwinan mula diperkenalkan bersama undang-undang keluarga Islam sekitar awal tahun 1980an.¹¹ Secara ringkasnya, kaunseling perkahwinan dilaksanakan kepada pasangan yang telah berkahwin sama ada untuk mempertingkatkan lagi hubungan perkahwinan atau untuk memecahkan kebuntuan yang wujud dalam perhubungan mereka. Mereka yang melaksanakan kaunseling jenis ini bukan sahaja perlu memahami hakikat perkahwinan dan perhubungan pasangan tetapi juga perlu memahami apakah bentuk, teknik dan kaedah rawatan yang bersesuaian dengan pasangan bermasalah yang biasanya menghadapi pelbagai masalah dalam perkahwinan. Perhatian perlu diberi kepada beberapa faktor spesifik yang berkait rapat dengan setiap pasangan secara individu. Perlu disedari bahawa setiap pasangan tersebut juga telah terikat dengan sistem keluarga masing-masing sebelum mereka membentuk sistem keluarga sendiri.¹² Sehubungan dengan itu, kedua-dua individu tersebut akan membentuk satu hubungan perkahwinan yang unik dan tersendiri dan ini akan memberi kesan secara langsung kepada perkahwinan mereka.

⁹ Asmungi Hj. Mohd Sidek (t.t), Kertas Kerja Rancangan Penyelarasan Pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam di Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri, Jabatan Agama Islam Selangor, h. 1.

¹⁰ Sheikh Ghazali Hj. Abdul Rahman *et. al.* (2001), *Memasuki Gerbang Perkahwinan*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 1.

¹¹ Siti Zalikah Md. Noor (1992), *Kaunseling Perkahwinan Menurut Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: Budaya Ilmu Sdn. Bhd., h. 62.

¹² Baruth, L.G. & Huber, C.H. (1984), *An Introduction to Marital Theory and Therapy*, California: Brooks/Cole Publishing Company, h. 30.

Kepentingan Kaunseling Dalam Menangani Masalah Rumahtangga

Isu-isu yang biasa diutarakan dalam proses kaunseling ini adalah seperti keganasan rumahtangga, masalah seksual, personaliti, komunikasi, jangkaan perkahwinan yang tidak realistik, tiada keintiman dan peristiwa harian yang memberi tekanan.¹³ Lazimnya kehadiran kedua-dua pasangan suami dan isteri adalah penting bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan proses kaunseling ini.

Kajian Bray dan Jouriles menunjukkan bahawa kaunseling perkahwinan berkesan mengurangkan konflik, meningkatkan kepuasan perkahwinan dan mencegah berlakunya perceraian.¹⁴ Manakala satu kajian longitudinal yang dijalankan di Denver tentang program PREP (*Prevention and Relationship Enhancement Program*) mendapati pasangan yang telah menjalani PREP dapat mengekalkan kepuasan perhubungan dan seksual yang tinggi serta intensiti masalah yang rendah dalam masa tiga tahun selepas latihan, kemahiran komunikasi yang tinggi, pola komunikasi negatif yang kurang dan mempunyai kemahiran mengendalikan konflik yang tinggi selama 12 tahun selepas pengalaman PREP dan kurang melaporkan kejadian keganasan fizikal dengan pasangan masing-masing dalam jangka masa tiga hingga lima tahun selepas latihan,¹⁵ jika dibandingkan dengan pasangan yang tidak menjalani program tersebut.

Di Malaysia, kaunseling perkahwinan yang dijalankan secara integrasi dengan pendekatan Islam telah diterajui oleh Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (PKMAINS). Pusat ini berjaya memainkan peranan membantu pasangan suami isteri mengenali masalah, memperbaiki hubungan pasangan dan menganalisa diri secara menyeluruh dan berkesan.¹⁶ Rekod menunjukkan bilangan isteri yang mendapatkan rawatan kaunseling lebih ramai berbanding lelaki dengan catatan kes sebanyak 257 : 154 bagi sepanjang tahun 2000. Jumlah ini menunjukkan bilangan isteri yang mengemukakan aduan dalam kes-kes berkaitan rumahtangga mencatat angka hampir dua kali ganda berbanding dengan bilangan suami yang berbuat demikian.

Kajian Butcher, Rouse dan Perry menunjukkan bahawa golongan wanita mempunyai sikap dan kecenderungan yang lebih aktif untuk mendapat bantuan

¹³ Lily Mastura Harun (2003), *op.cit.*, h. 6.

¹⁴ Bray, J. H., & Jouriles, E. N. (1995), "Treatment of Marital Family Conflict and Prevention of Divorce", *Journal of Marital and Family Therapy*, vol. 21, h. 46.

¹⁵ Markman, H.J. (1993), "Preventing Marital Distress Through Communication and Conflict Management Training: A Four and Five Year Follow Up", *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, vol 8, h. 1-8.

¹⁶ Perangkaan kes kaunseling yang dikendalikan oleh Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, tahun 2000.

melalui terapi dan kaunseling perkahwinan berbanding lelaki.¹⁷ Faktor penyebab kepada situasi ini banyak dipengaruhi oleh ukuran peranan gender yang difahami secara tradisional dan atribut kelelakian.¹⁸ Wanita atau isteri didapati lebih mengalami simptom-simptom depresi apabila berhadapan dengan masalah perkahwinan dan ini menyebabkan mereka lebih terdorong untuk mendapatkan bantuan awal.¹⁹

KAUNSELING KELUARGA

Dalam kaunseling keluarga, seorang kaunselor perlu mempunyai pengetahuan mengenai keluarga menurut teori atau perspektif sistem keluarga. Sistem ini menyatakan bahawa ahli-ahli dalam keluarga saling pengaruh mempengaruhi di antara satu sama lain sehingga terbentuk suatu kesan terhadap keluarga tersebut dan sistem ini disebut sebagai *circular causality*.²⁰ Menurut teori ini, perubahan yang berlaku kepada salah satu daripada komponen atau bahagian dalaman sistem akan mengganggu keseimbangan sistem secara keseluruhan, satu keadaan yang sukar untuk mengubah seseorang individu tanpa memodifikasikan struktur keseluruhan keluarga. Oleh yang demikian, kerjasama daripada ahli-ahli keluarga, begitu juga dengan institusi lain daripada sistem keluarga seperti sekolah, jiran, rakan dan sebagainya sangat penting dalam proses untuk merawat klien yang menghadapi masalah keluarga. Dalam erti kata lain, kaunseling keluarga melibatkan semua anggota keluarga dan beberapa pihak yang berkaitan dengannya.

Terdapat enam faktor yang perlu disedari bagi menangani kes seperti ini iaitu pertemuan dengan ahli keluarga yang signifikan kepada klien, usaha mewujudkan hubungan rapat dengan ahli yang dominan dalam keluarga, kepentingan mendapat gambaran yang jelas tentang situasi keluarga klien, budaya keluarga klien, amalan

¹⁷ Butcher, J. N., Rouse, S. V., & Perry, J. N. (1998), "Assessing Resistance to Psychological Treatment", *Measurement and Evaluation in Counseling and Development*, vol. 31, h. 95-108.

¹⁸ Robertson, J. M., & Fitzgerald, L. F. (1992), "Overcoming the Masculine Mystique: Preferences for Alternative Forms of Assistance Among Men Who Avoid Counseling", *Journal of Counseling Psychology*, vol. 39, h. 240-246.

¹⁹ Brian D. Doss, David C. Atkins & Andrew Christensen (2003), "Who's Dragging Their Feet? Husbands and Wives Seeking Marital Therapy", *Journal of Marital and Family Therapy*, vol. 29, h. 164-165.

²⁰ Becvar, D.S. & Becvar, R.J. (1996), *Family Therapy: A Systematic Intergration*, 3th ed. Massachusetts: Allyn and Bacon, h. 9.

dalam pendidikan anak-anak dan pengalaman kekeluargaan yang dilalui oleh klien.²¹ Kesemua faktor ini jika diselidiki dan dikaji dengan teliti oleh kaunselor akan menjadi aset penting menangani isu-isu berkaitan kekeluargaan.

Peranan kaunselor ialah berusaha meneroka dan cuba untuk menganjak ketidakseimbangan *pathogenic* di kalangan ahli keluarga agar mereka dapat membentuk kembali norma-norma perhubungan yang sihat.²² Oleh yang demikian, proses yang perlu dikendalikan secara berhati-hati adalah keupayaan kaunselor untuk mendefinisikan isu-isu keluarga dengan baik, mengambil peranan sebagai perantara atau *broker* dalam mengatasi konflik dan membina langkah-langkah yang boleh memulihkan bentuk hubungan serta meminimumkan aras konflik di kalangan ahli.

Selain daripada itu, kaunselor juga harus sedar dengan bentuk-bentuk cabaran dalam terapi keluarga. McCown & Johnson,²³ Franklin & Bry²⁴ serta Odell & Campbell²⁵ menyatakan, cabaran yang sering dihadapi oleh terapis keluarga ialah untuk mengatasi penolakan (*resistant*) klien atau ahli keluarga sama ada keengganan mereka menerima bantuan, bekerjasama dan membantu menyelesaikan masalah. Lazimnya klien atau ahli keluarga mempamerkan corak penolakan dengan cara tidak menghadiri sesi, lambat datang, sering lupa temujanji atau tidak memperlihatkan sumbangan yang boleh menghasilkan sesi kaunseling yang produktif. Kadangkala penolakan dimanifestasikan melalui syarat-syarat yang ditetapkan oleh klien seperti menghalang individu tertentu daripada turut sama menyertai kaunseling atau sebaliknya.²⁶ Jika syarat-syaratnya ditolak, maka mereka tidak mahu meneruskan sesi kaunseling. Jika kaunseling dilakukan berdasarkan setting rumah klien, seringkali klien menghilangkan diri, tidak mahu membuka pintu atau menyibukkan diri dengan aktiviti-aktiviti rumahtangga seperti bercakap telefon, melakukan kerja rumah, melompat topik dan sebagainya yang menyukarkan pembentukan *rapport* dalam

²¹ Franklin, N. B. & Bry, B. H. (2000), *Reaching Out In Family Therapy*, New York: The Guildford Press, h. 37-38.

²² Zuk, G.H. (1981), "Family Therapy" dalam *Family Therapy: An Introduction to Theory and Technique*, Erickson, G.D. & Hogan, T.P. (edit). California: Brooks/Cole Publishing Company, h. 150.

²³ McCown, W.G. & Johnson, J. (1993), *Therapy With Treatment Resistant Families: A Consultation-Crisis Intervention Model*, New York: The Haworth Press. h. 49.

²⁴ Franklin, N.C. & Bry, B.H. *op.cit.*, h. 43-44.

²⁵ Odell, M. & Campbell, C.E. (1998), *The Practical Practice of Marriage and Family Therapy: Things My Training Supervisor Never Told Me*, New York: The Haworth Press, h. 106.

²⁶ Fisch, R., Weakland, J. & Segal, L (1983), *The Tactics of Change: Doing Therapy Briefly*, San Francisco: Jossey Bass, h. 7.

sesi kaunseling.²⁷

Suatu lagi realiti yang perlu disedari kaunselor adalah masalah terpaksa berhadapan dengan keluarga yang mempunyai pelbagai masalah dalam satu masa. Misalnya, penderaan anak atau pasangan, inses, penjagaan orang tua, remaja delinkuen, alkoholik dan penagihan dadah yang kesemuanya menyumbang kepada berlakunya ketidakharmonian dalam sesebuah rumahtangga. Sehubungan dengan itu, rawatan kaunseling perlu diberi berdasarkan dari pelbagai dimensi masalah yang dihadapi oleh keluarga tersebut.

KESIMPULAN

Huraian di atas menunjukkan bahawa melalui kaunseling setiap ahli keluarga perlu diperlihatkan aspek hubungan kekeluargaan serta fungsi-fungsi tertentu yang perlu dilaksanakan bagi menjaga keharmonian dan kesejahteraan keluarga. Ahli keluarga memerlukan latihan dan pendidikan yang sewajarnya bagi mengatasi halangan dan krisis yang boleh menjejaskan keseimbangan dalam hidup berkeluarga.

Perkhidmatan kaunseling dalam setting ini penting bagi membantu ahli keluarga, sama ada pasangan suami isteri, ibubapa dan anak-anak atau individu itu sendiri sebagai ahli yang memberi kesan kepada sistem keluarga untuk menjalani proses muhasabah secara tersusun dan praktikal. Dilema dan krisis akan dapat ditangani secara sendiri kerana ahli keluarga belajar bagaimana mendiagnos simptom yang berlaku. Ahli keluarga sedar tentang kekuatan dan keupayaan yang ada dalam sistem keluarga tersebut untuk mengatasi masalah serta kelemahan-kelemahan yang boleh menjejaskan fungsi dan perkembangan sesebuah keluarga. Justeru, kaunseling merupakan metode yang boleh digunapakai bagi menangani masalah keluarga yang rumit.

Bagi kaunselor yang bertanggungjawab dalam pengendalian kaunseling berasaskan setting ini, kemahiran dan kepakaran dalam memahami isu-isu kekeluargaan termasuk kemahuan individu sebagai ahli keluarga adalah sangat penting dan signifikan untuk membolehkannya menyediakan perkhidmatan kaunseling yang berkesan. Pertindihan peranan dan masalah ahli keluarga yang sering bertimbal balik memerlukan kepada kebijaksanaan dan kepakaran kaunselor untuk mengurai masalah satu persatu sebelum membantu keluarga menyediakan pelan tindakan dalam menyelesaikan masalah mereka. Ini kerana keluarga adalah suatu institusi yang saling berkait antara satu sama lain dan tidak berdiri secara sendirian. Pemahaman keluarga terhadap sistem itu sendiri memberi implikasi besar dalam membina halatujua sesebuah keluarga.

²⁷ Berg, I.K. (1994), *Family Based Services: A Solution Focused Approach*, New York: Norton, h. 56.